**JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA,**
**PEJABAT LAUT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN,**
**PETI SURAT 81005,**
**87020 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN,**
**MALAYSIA.**

*Telephone : 087-413511 Email : pjlwplbn@marine.gov.my*
*Fax : 087-413515 Web Page : http://www.marine.gov.my*

**MS ISO 9001:2000**
*Approval Cert. No: 403591 C*
*Approval Cert. No: 403591 A*

Rujukan Kami : JLWPL/PB/600/3/3(29)

# PEKELILING PELABUHAN NO. 18 TAHUN 2005

*(PORT CIRCULAR NO. 18 YEAR 2005)*

**DARIPADA : PENGARAH LAUT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**
*(From) (Director Of Marine Federal Territory Labuan)*

**KEPADA : MASYARAKAT PERKAPALAN**
*(To) (Shipping Community)*

**TARIKH : 16HB. JUN 2005**
*(Date) (16th June 2005)*

## HAD KELAJUAN KAPAL DI DALAM KAWASAN PELABUHAN W.P. LABUAN / *SPEED LIMIT @ LABUAN F.T. PORT LIMIT*

Masyarakat perkapalan adalah dimaklumkan bahawa semua kapal, feri penumpang, bot penumpang dan lain –lain bentuk pengangkutan air yang belayar di dalam Kawasan Pelabuhan W.P. Labuan mestilah pada setiap masa mengemudi kapal, feri dan bot pada **kelajuan selamat** sebagaimana yang termaktub dalam **Peraturan No. 20, Bahagian IV, Peraturan Pelabuhan Sabah 1961** dan Peraturan Antarabangsa COLREG 1972.

Tujuan kelajuan selamat adalah demi keselamatan semasa pelayaran dan untuk mengelakkan kerosakan ke atas harta benda serta kerosakan ke atas kapal-kapal yang merapat di semua jeti di dalam Kawasan Pelabuhan W.P. Labuan akibat daripada alun besar yang dihasilkan oleh kapal, feri dan bot yang berkelajuan tinggi.

Sehubungan itu, semua kapal, feri dan bot yang belayar di dalam Kawasan Pelabuhan W.P. Labuan adalah **diwajibkan** mengurangkan kelajuan terutama semasa belayar di sepanjang alur pelayaran di hadapan jeti Penumpang, jeti sementara TLDM, jeti Dermaga Merdeka, jeti Sabah Shipyard, jeti Woksyop Jabatan Laut, jeti Polis Marin, jeti Perikanan, jeti ASB, jeti Amsteel Mill, jeti Petronas Methanol, jeti Sabah Flour, jeti Hotel Water Front, jeti SHELL Timur dan jeti Kompleks Sukan Laut.

Shipping community is hereby notified that all mechanically driven vessels, passenger ferries, passenger boats and any other type of water crafts being used as means of transportation on water shall at all times proceed with due caution and at a safe and moderate speed as per required by **The Merchant Shipping (Ports, Harbours and Dues) Regulation 1961 of Sabah, Part IV, Regulation No. 20** and International Regulations For Preventing Collision At Sea 1972, Part B, Section I, Rule No. 6, when plying within the Port Limit of Labuan F.T.

In order to ensure and to enhance safety of navigation and to avoid damages caused by the wash, all mechanically driven vessels, passenger ferries, passenger boats and any other type of water crafts being used as means of transportation on water to reduce speed when plying along the navigation channels / waters in front of the Passenger Terminal, Navy Jetty, Liberty Wharf, Sabah Shipyard, Marine Department Wokshop Jetty, Marine Polis Jetty, Fisheries Department Jetty, ASB Jetty, Amsteel Mill Jetty, Petronas Methanol Jetty, Sabah Flour Jetty, Hotel Water Front, SHELL Timur jetty and Sea Sports Complex Jetty.

Pemilik, Pengusaha dan Nakhoda kapal, feri, bot dan lain-lain bentuk pengangkutan air yang mana kerana kelajuan tinggi kapal, feri, bot dan pengangkutan air tersebut menghasilkan alun besar sehingga mengakibatkan kerosakan ke atas harta benda dan kapal yang merapat di semua jeti di Kawasan Pelabuhan W.P. Labuan akan bertanggungjawab ke atas semua kerosakan tersebut.
**(Peraturan No. 21, Bahagian IV, Peraturan Pelabuhan Sabah 1961.)**

The owner, operator and master of any mechanically driven vessels, passenger ferries, passenger boats and any other type of water crafts being used as means of transportation on water causing damage to property or to vessel alongside at jetty by her wash shall be held primarily responsible for such damage.
**(The Merchant Shipping (Ports, Harbours and Dues) Regulation 1961 of Sabah, Part IV, Regulation No. 21)**

**(KAN THEAN SIANG )**
**For Director Of Marine**
**Marine Department of Labuan Federal Territory.**